

SULUH
WAHYU

Oleh
**Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz**

“USTAZ!
Keliru
sungguh
saya
dengan
tingkah laku orang belajar
agama. Semakin banyak
mengaji, akhlaknya tidak
menjana contoh baik. Susah
berlapang dada, banyak
buruk sangka, suka melabel,
tergamak menunggang agama
dan banyak lagi.”

Tersentak saya seketika
mendengar keluhan seorang
ahli surau kami. Walaupun ia
bersifat tidak adil, tapi apakan
daya, itulah sikap orang
awam yang lebih mudah
melihat ‘satu titik hitam
pada sebuah papan putih’
berbanding warna putih yang
mendominasi keseluruhan
papan putih.

Sukar menangkis
pandangan buruk orang
awam terhadap sikap negatif
segelintir orang agama yang
‘zikir dan tahlilnya’ umpat
cela kepada golongan yang
berlainan puak-fikir dengan
mereka. Sepatutnya orang
agama perlu meletakkan
sasaran tertinggi pada akhlak
mereka dan bukannya
memberi penafian kerana
penafian bukan ubat sebenar
masalah. Seperti sesetengah
ubat, pahit itu baik untuk
kesembuhan.

Menyalahkan mata orang
awam yang mudah melihat
‘satu titik hitam’ sebenarnya
tidak bagus. Oleh itu, para
agamawan perlu muhasabah
segera agar mereka benar-
benar mewakili warna putih
pada keseluruhan papan putih
tersebut.

Pada asasnya orang yang
dimuliakan Allah dengan ilmu
agama perlu menjadi contoh
kepada yang lain. Hayatilah
hujung firman Allah dalam
ayat 79 surah ali-Imran yang
bermaksud: *Hendaklah kamu
menjadi orang Rabbaniyin
(yang hanya menyembah Allah
SWT- dengan ilmu dan amal
yang sempurna) kerana kamu
sentiasa mengajarkan isi kitab
Allah itu dan kerana kamu
selalu mempelajarinya.*

Dalam dunia serba
mencabar hari ini, saya
cadangkan orang agama
bermuhasabah dalam tiga
perkara:

1) Meletakkan niat yang
ikhlas dalam mendalami
agama untuk mencapai reda
Allah bukannya menunggang

Teguran ‘manja’ buat agamawan



AGAMAWAN perlu meletakkan niat yang ikhlas dalam mendalami agama untuk mencapai redha Allah bukannya menunggang agama untuk habuan dunia. - GAMBAR HIASAN



**Dalam dunia serba
mencabar hari ini,
saya cadangkan
orang agama
agar melakukan
muhasabah dalam
tiga perkara...”**

agama untuk habuan dunia.
Sepatutnya semakin dalam
ilmu agama seseorang,
semakin dalam gerunnya
pada Allah (Fatir: 28).

Semakin tinggi ilmu
agamanya, semakin tinggi
akhlak lidah dan jari
jemarinya. Jauhilah ancaman
Allah sebagaimana hadis yang
bermaksud:

*Sesiapa yang menuntut ilmu
dengan tujuan untuk berdebat
dengan manusia bodoh yang
jahil, atau berbangga dengan
ulama atau menarik perhatian
manusia kepadanya maka dia
akan dimasukkan ke dalam
neraka* (Sunan Ibn Majah).

2) Berbaik sangka dan
berkasih sayang sesama
muslim. Semakin tinggi
ilmu agama yang didalami,

sepertunya akhlak baik sangka
semakin tinggi dan sifat buruk
sangka semakin nipis atau
hilang langsung.

Banyak krisis aliran
pemikiran dalam pengajian
agama berpunca daripada
buruk sangka. Setiap
pihak cenderung melihat
pandangan pihak lain dalam
kaca mata mereka dan tidak
dalam kaca mata sebenar
pihak bertentangan.

Umpamanya pihak
bertentangan memaksudkan
‘itik’ tapi kita berkata mereka
mengulas tentang ‘ayam’.
Lalu bagaimana kedua-dua
aliran ini boleh bertemu
jika tiada keadilan dalam
menilai atau memahami pihak
bertentangan?

Allah menganjurkan kita
agar teliti dan bersikap adil
walaupun kepada pihak yang
tidak sealiran dengan kita
sebagaimana firman-Nya
yang bermaksud: *Wahai
orang beriman, hendaklah
kamu semua sentiasa menjadi
orang yang menegakkan
keadilan kerana Allah, lagi
menerangkan kebenaran; dan
jangan sekali-kali kebencian
kamu terhadap sesuatu kaum
itu mendorong kamu kepada
tidak melakukan keadilan.
Hendaklah kamu berlaku
adil (kepada sesiapa jua)*

*kerana sikap adil itu lebih
hampir kepada takwa. Dan
bertakwalah kepada Allah,
sesungguhnya Allah Maha
Mengetahui dengan mendalam
akan apa yang kamu lakukan*
(al-Ma’idah: 8)

Adil kepada pihak
bertentangan adalah tanda
iman kerana pangkal ayat
di atas Allah mulai dengan
panggilan wahai orang
beriman.

Tambahan pula pihak yang
tidak sealiran dengan kita
masih lagi berkongsi Tuhan
dan Nabi yang satu. Sikap
orang beriman sesama mereka
adalah saling berkasih sayang,
bukannya bermusuhan.
Jangan sampai membidik
peluru kepada saudara
seagama. Inilah sikap kaum
yang bersama Rasulullah SAW.

Ia sebagaimana firman
Allah yang bermaksud: *Nabi
Muhammad SAW adalah
Rasulullah; dan orang yang
bersama dengannya bersikap
keras dan tegas terhadap orang
kafir yang (memusuhi Islam),
dan sebaliknya bersikap kasih
sayang serta belas kashan
sesama sendiri (umat Islam).*
(al-Fath: 29)

3) Menggunakan bahasa
sopan berakhlak jika perlu
menegur kesilapan pihak lain.
Kita perlu akui, tiada manusia

yang sempurna dan kebal-
silap seperti Rasulullah SAW.

Jika kita silap, pastinya kita
suka ditegur secara sopan
atau tertutup. Kadangkala
bukan teguran yang sukar
diterima pihak tersilap tetapi
cara teguran dihamburkan.
Bahasa memainkan peranan
penting dalam komunikasi
sesama manusia.

Allah selaku Pencipta
manusia memang
mengingatkan secara
khusus tentang ‘jarum
berbisa syaitan’ dalam
bahasa sebagaimana firman
Allah yang bermaksud: *Dan
katakanlah (wahai
Muhammad) kepada hamba-
Ku (yang beriman), supaya
mereka berkata dengan
kata-kata yang amat baik
kerana sesungguhnya Syaitan
itu sentiasa menghasut
antara mereka (yang mukmin
dan yang menentang);
sesungguhnya Syaitan itu
adalah musuh yang amat
nyata bagi manusia* (al-Israk:
53)

Janganlah menyelar
atau menggelar jiwa teman
seagama dengan ayat pedas
melalui lidah atau jari jemari
media sosial. Allah sangat
kasihan orang beriman
kerana menamakan mereka
sebagai para hambaku.

Sungguh! Ini bukan pangi-
lan biasa. Ini adalah panggilan
manja penuh kasih sayang.
Oleh itu, balaslah kasih sayang
Allah dalam ayat itu dengan
mempraktikkan akhlak mulia
pada bahasa kita. Bahkan da-
lam dakwah, manusia sejahat
Firaun pun Allah arahkan
Nabi Musa a.s melunakkan
teguran (Taha: 43-44), inikan
pula teman seakidah kita.

Semoga nasihat ini
menjadi ‘jentik manja’ kepada
semua penuntut agama.
Allah sayangkan kita semua
dengan pengutusan agama
ini. Agama adalah ubat yang
berguna untuk merawat
dan membimbing manusia.
Janganlah disalah gunakan
ubat ini dengan akhlak buruk
kita.

Bimbang nanti orang jahil
akan melihat agama dari
kaca mata yang salah, lalu
mereka semakin menjauhi
agama kerana melihat ia
adalah punca perpecahan
atau pemutus kasih sayang
manusiawi. Atau lebih
parah, orang awam akan
melihat agama adalah sejenis
tunggangan untuk mencapai
kehendak nafsu atau sejenis
produk yang mampu menjana
kekayaan. Mohon dijauhkan
Allah.